

Penjagaan Pesakit Selepas Menjalani **Pembedahan Katarak** Di Unit Rawatan Harian (Daycare)



Boleh Dilakukan

- Gunakan ubat titis dengan betul
- Pakai pelindung mata semasa tidur (selama 1 minggu).
- Bersihkan muka dengan lembut dan hati-hati dengan kain bersih.
- Pakai cermin mata gelap untuk mengelakkan silau (1 minggu atau lebih – disyorkan 6 minggu).
- Mandi dan cuci rambut. tetapi elak air/sabun/syampu masuk dalam mata.
- Berjalan, membaca dan menonton televisyen/komputer.
- Memasak tidak goreng dengan api besar.
- Boleh memandu bila penglihatan kembali terang.



Tidak Boleh Dilakukan

2 minggu pertama:


- Tidak boleh mengangkat barang berat, mendukung anak kecil bersyampu, mandi shower, guna kosmetik mata/kanta kontak selama 6 minggu.

1 bulan pertama:

- Tidak boleh menggosok/menekan mata dengan kuat.
- Tidak boleh bersukan/aktiviti lasak/berenang.


Pemakanan

- Tiada pantang kecuali jika ada alahan kepada makanan tertentu.



Tanda **Normal** Selepas Pembedahan

- Penglihatan kabur
- Mata kelihatan merah
- Mata berair/berlendir
- Rasa tidak selesa pada mata
- Rasa silau terhadap cahaya, nampak berterbangan



Tanda **Amaran** Selepas Pembedahan

- Rasa semakin sakit
- Mata semakin kabur
- Mata semakin bengkak, merah dan banyak lendir
- Mata mengalami kecederaan
- Banyak berterbangan/berkilat-kilat



Jumpa doktor sekiranya komplikasi berlarutan dan dapatkan rawatan segera di **klinik kesihatan/hospital yang berdekatan**